

PEMERIKSAAN BERKALA JENTERA (PEKALA)

KATEGORI LOJI JENIS DANDANG STIM DAN LOJI JENIS PENGANDUNG TEKANAN

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
(Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024, Peraturan 7(1)

Persediaan oleh pihak Pemilik Jentera sebelum dan pada hari pemeriksaan bersama Pegawai JKKP

1. **Pemilik Jentera** hendaklah hadir bersama wakil pembekal pada hari pemeriksaan. **Wakil Pembekal** mestilah individu yang berpengetahuan berkaitan pengujian ketika pemeriksaan berkala dilakukan.
2. **Pemilik Jentera** hendaklah bersedia bagi pemeriksaan secara dalaman pada setiap pemeriksaan berkala melainkan jika bejana tekanan itu telah direka bentuk untuk tidak tertakluk pada pemeriksaan secara dalaman.
3. **Pemilik Jentera** hendaklah mengemukakan **Rekod Penyenggaraan Loji** sebagaimana di bawah peraturan 19, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan), 2024 untuk semakan pegawai atau orang berlesen.
4. **Pemilik Jentera** hendaklah mengemukakan **Sijil Tentu Ukur** yang masih **Sah** bagi **Tolok Tekanan** (*pressure gauge*) dan **Injap Pelega Tekanan** (*pressure relief valve*) yang dipasang.



INJAP PELEGA TEKANAN
(*Pressure Relief Valve*)



TOLOK TEKANAN
(*Pressure Gauge*)

